

**FENOMENA KECURIAN SERIUS DAN KAITANNYA DENGAN HARGA BIJIH
TIMAH DI SELANGOR SEMASA ERA PEMERINTAHAN BRITISH**

***THE PHENOMENON OF SERIOUS THEFT AND ITS RELATIONSHIP WITH TIN
ORE PRICES IN SELANGOR DURING THE BRITISH COLONIAL ERA***

Ruzaini Sulaiman*

Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, MALAYSIA

Ruhaizan Sulaiman**

Universiti Sultan Zainal Abidin, 21030 Kuala Terengganu, MALAYSIA

Norazilawati Abd. Wahab***

Universiti Sultan Zainal Abidin, 21030 Kuala Terengganu, MALAYSIA

Ismar Liza Mahani Ismail****

Universiti Malaysia Terengganu, 21030, Kuala Terengganu, MALAYSIA

Abstrak

Makalah ini bertujuan mengkaji fenomena kecurian serius yang berlaku di Selangor semasa pemerintahan British terutama ketika berlaku kemelesetan ekonomi dan perkaitan jenayah kecurian serius dengan kedudukan harga bijih timah. Permasalahan kajian adalah tertumpu kepada aspek kedudukan harga timah di pasaran antarabangsa yang tidak konsisten ketika berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi berjaya mempengaruhi penglibatan penduduk dalam kegiatan jenayah ini. Dalam usaha mencapai matlamat di atas, kajian ini telah memenuhi objektif untuk melihat aspek kedudukan harga timah yang telah mengalami kejatuhan harga secara mendadak semasa berlaku ketidaktentuan ekonomi dan kaitannya dengan penglibatan penduduk di Selangor dalam jenayah kecurian serius. Penyelidikan ini menggunakan penyelidikan sejarah dan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Beberapa tindakan dan proses telah dilakukan misalnya heuristik, kritikan, analisis dan histrografi supaya penyelidikan ini mencapai objektiviti dalam penyelidikan sejarah. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa kedudukan harga timah menjadi penyumbang terbesar kepada peningkatan dan penglibatan penduduk dalam kegiatan jenayah kecurian serius di Selangor.

Kata Kunci: Jenayah Kecurian Serius, Harga Bijih Timah, Kemelesetan Ekonomi, British, Selangor

Abstract

This paper aims to examine the phenomenon of serious theft that occurred in Selangor during British rule, particularly during times of economic depression, and the relationship between serious theft and the price of tin ore. The research problem focuses on the inconsistency of tin prices in the international market during periods of economic uncertainty and how this instability influenced the local population's involvement in criminal activities. To achieve the above objective, this study investigates the sharp decline in tin prices during times of economic instability and its correlation with the involvement of Selangor residents in serious theft crimes. This research adopts a historical methodology and uses qualitative research methods. Several steps and processes were carried out, including heuristics, criticism, analysis, and historiography, to ensure the objectivity of this historical investigation. The research findings

clearly show that fluctuations in tin prices were a major contributing factor to the increase in and involvement of the population in serious theft activities in Selangor.

Keywords: *Serious Theft Crime, Tin Ore Prices, Economic Depression, British, Selangor*

Pengenalan

Selangor merupakan antara negeri yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu semasa pemerintahan British. Peningkatan dan kekerapan kejadian jenayah serius di Selangor adalah berpunca daripada kemasukan imigran secara besar-besaran disebabkan dorongan kuat daripada perkembangan perlombongan timah dan aktiviti perindustrian yang lain. Kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan utama seperti Kuala Lumpur, Kelang, Ulu Langat, Kuala Langat, Kuala Selangor dan Ulu Selangor menjadi semakin padat dengan penduduk. Kawasan-kawasan ini telah menunjukkan kadar jenayah yang tinggi berbanding kawasan-kawasan lain di Selangor. Kegiatan jenayah serius yang sering berlaku di Selangor terbahagi kepada dua iaitu jenayah harta benda dan jenayah ke atas manusia. Jenayah harta benda melibatkan rompakan berkumpulan, rompakan, kecurian serius dan pecah rumah, manakala jenayah ke atas manusia pula ialah jenayah bunuh. Terdapat pelbagai aspek yang mempengaruhi kegiatan jenayah serius di Selangor yang boleh dibahagikan kepada dua elemen yang besar iaitu ekonomi dan sosial.¹ Antara aspek ekonomi yang berkait rapat dengan dominasi mereka dalam kegiatan jenayah ialah kedudukan harga timah, pekerjaan dan kedudukan gaji buruh-buruh, kedudukan harga barang-barang makanan utama, kuantiti dan nilai bahan eksport utama Selangor yang rendah. Aspek sosial pula, boleh ditekankan kepada isu-isu pengangguran dan kemiskinan, lokasi penempatan, kegiatan kongsi gelap dan aktiviti perjudian. Tetapi dalam makalah ringkas ini, penulisan hanya difokuskan dengan melihat fenomena kecurian serius yang berlaku semasa pemerintahan British di Tanah Melayu.

Penulisan Cheah Boon Kheng dianggap sebagai pendedahan awal terhadap kajian kedudukan ekonomi dan kaitannya dengan kegiatan jenayah di Tanah Melayu. Beliau menekankan aspek kedudukan sosioekonomi yang kurang membangun, masyarakat petani yang miskin dan kekurangan bahan makanan, masalah sempadan dan penduduk dan kelemahan pasukan polis telah meningkatkan kegiatan jenayah harta benda. Penulisan ini juga mendedahkan tentang masyarakat petani yang bergelut dalam kemiskinan, kemelaratan, keperitan hidup dan suasana yang tidak aman menyebabkan mereka berusaha untuk mendapatkan kekayaan dan kekuasaan dengan cara yang salah ditambah pula dengan kurangnya pengawalan dari segi undang-undang menyumbang kepada peningkatan jenayah harta benda termasuk jenayah kecurian serius dalam masyarakat.

Syed Nor Syed Abdullah memberi tumpuan kepada perkaitan antara situasi kedudukan ekonomi dengan kadar peningkatan kegiatan jenayah komuniti Cina. Pengangguran, kemelaratan, kenaikan harga barang dan masalah setinggan merupakan punca utama kepada peningkatan kegiatan jenayah serius komuniti Cina telah diberi penekanan dalam penulisan ini. Situasi buruk akibat kemelesetan ekonomi menyebabkan komuniti Cina terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah sosioekonomi yang meliputi soal pekerjaan baru, masalah tempat tinggal dan masalah tindakan undang-undang dari pihak kerajaan yang menjadi sebab kepada peningkatan jenayah. Beliau turut menyentuh mengenai kekuatan hidup berpersatuan dalam kalangan komuniti Cina. Namun demikian, kajian ini langsung tidak menyentuh mengenai tindakan yang telah dilakukan oleh pihak British baik dari aspek pemantauan, pengawalan dan tindakan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah.

Perkaitan situasi kedudukan ekonomi dengan peningkatan kadar jenayah juga boleh diperoleh menerusi penulisan Khoo Kay Kim dalam artikel bertajuk “The Great Depression: The Malaysian Context” yang dimuatkan dalam *The History of South-East, South and East Asia: Essays and Documents* boleh menyumbang maklumat tentang keadaan dan kedudukan ekonomi Tanah Melayu ketika kemelesetan ekonomi sekitar 1929-1933 dan kesan ke atas penduduk di kawasan bandar-bandar utama. Aspek pengangguran dilihat sebagai punca peningkatan pengemis jalanan dalam kalangan komuniti bandar yang menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah. Beliau turut menyentuh mengenai kejatuhan permintaan luar terhadap bijih timah dan getah serta peningkatan import bahan-bahan makanan dari luar menyebabkan kehidupan komuniti bandar menjadi semakin sukar. Namun demikian, penulisan ini hanya memaparkan senario kemelesetan ekonomi dalam tempoh 1929-1933 dan kesan ke atas komuniti bandar dengan melihat kepada aspek pengangguran dan kejatuhan permintaan komoditi utama Tanah Melayu sahaja. Beliau tidak pula menjelaskan aspek-aspek lain seperti pengurangan gaji, kegiatan kongsi gelap, populasi penduduk dan sebagainya yang dapat dilihat juga sebagai penyumbang kepada penguasaan jenayah dalam kalangan penduduk.

Menurut Nik Akmal Mahani Nik Mahmud, aspek sosioekonomi menjadi pengaruh yang besar ke atas jenayah harta benda termasuk jenayah kecurian serius di Malaysia. Menurut beliau, wujud perkaitan yang rapat antara struktur ekonomi masyarakat, pengangguran, kemiskinan dan urbanisasi dengan kejadian jenayah harta benda. Beliau turut membincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh pihak berkuasa, masyarakat setempat, kerjasama dan penglibatan pihak swasta dan pengawasan kejuruan dalam usaha mengurangkan kegiatan jenayah ini. Namun demikian, kajian ini tidak memperincikan setiap jenis jenayah yang dikategorikan dalam jenayah harta benda dan memaparkannya secara umum sahaja tanpa dimuatkan statistik kes setiap kategori jenayah harta benda. Kemiskinan, pengangguran dan urbanisasi merupakan antara aspek yang dilihat sebagai penyumbang kepada kegiatan jenayah mempunyai persamaan dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji cuma penulisan ini tidak mengemukakan data statistik bagi menyokong hujahan yang dikemukakan.

Penulisan Abdulrahman Raden Aji Haqqi tentang jenayah kecurian serius di Brunei dalam tulisannya yang bertajuk Peningkatan Kes Kecurian di Brunei Darussalam: Punca dan Penyelesaiannya Analisis Awal Dari Perspektif Agensi Perundangan, menyentuh tentang pandangan masyarakat terhadap jenayah kecurian di mana perbuatan mencuri merupakan satu jenayah yang tidak dapat diterima oleh pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat kerana perbuatan mengambil barangan orang lain tanpa keizinan dan pengetahuannya merupakan satu bentuk jenayah berat. Perbuatan sedemikian merupakan satu aspek penganiayaan secara tidak langsung terhadap tenaga dan usaha orang lain. Segala penat lelah dan usaha untuk memperoleh sesuatu benda atau harta yang bermanfaat, akhirnya diambil tanpa keizinan oleh pihak lain dengan mudah. Kajian ini juga menyentuh mengenai punca berlakunya kes kecurian adalah kurangnya didikan agama, pengaruh persekitaran, keluarga yang bermasalah, masalah pengangguran, terpengaruh dengan rakan khususnya penyalahgunaan dadah, dan ada juga yang mencuri hanya sekadar hiburan dan mencari kepuasan diri, terdesak oleh kemelesetan ekonomi sehingga mereka merasakan curi sebagai jalan paling mudah dan cepat untuk mendapatkan wang bagi membiayai kehidupan seharian mereka. Berbagai-bagai punca melakukan curi ini menggambarkan kecenderungan jenayah ini sebagai jenayah yang paling kerap berlaku bila mana penulis turut mengatakan bahawa pihak polis menerima aduan dan tangkapan hampir setiap hari dan mereka terus berusaha sedaya upaya membendung jenayah ini daripada berleluasa.

Satu lagi penulisan tentang fenomena kecurian serius di Indonesia yang di tulis oleh Nazarudin Zainun yang bertajuk Kemelesetan Ekonomi Dua 1929-1935: Kadar Jenayah dan Kesannya Kepada Perdamaian Dan Kesejahteraan di Pulau Jawa menyentuh mengenai kesan dari kemelesetan ekonomi ini bukan sahaja mempengaruhi masyarakat dan kegiatan ekonomi di bandar tetapi juga turut memberi kesan kepada kehidupan kumpulan petani di luar bandar. Dengan jumlah penganggur yang semakin tinggi dan pendapatan berkurangan, kehidupan makin sukar, maka timbul kecenderungan melakukan jenayah terutama jenayah kecurian serius. Keadaan kehidupan kumpulan petani turut disukarkan dengan tindakan para pelabur asing yang menanam modal telah menarik keluar modal mereka menyebabkan berlaku kejatuhan perdagangan dunia. Tindakan pelabur ini, menambahkan kesengsaraan ekonomi penduduk luar bandar yang telah pun terjejas teruk. Di samping itu, pendapatan kerajaan mulai berkurangan dan menyebabkan kerajaan kolonial Belanda menaikkan cukai serta mengenakan cukai baru ke atas hasil pertanian penduduk. Bagi penduduk terutama petani-petani miskin, pendapatan dalam bentuk wang tunai dari jualan pengeluaran pertanian berkurangan sangat banyak menyebabkan mereka terbeban dalam menampung tanggungan dan perbelanjaan seharian mereka. Dalam situasi ekonomi yang teruk, kecenderungan melakukan pelbagai kegiatan jenayah dan pelanggaran undang-undang semakin mendesak. Penulis juga menyentuh mengenai kaitan kadar kepadatan penduduk dengan peningkatan kadar jenayah. Purata kepadatan penduduk yang tinggi telah meningkatkan risiko dan kecenderungan untuk melakukan jenayah. Kepulangan penduduk yang dibuang kerja akibat penutupan banyak ladang tebu dan kilang gula ke kampung halaman masing-masing akibat kemelesetan ekonomi juga turut menyumbang kepada masalah ini.

Fenomena Kecurian Serius Di Selangor Semasa Pemerintahan British

Jenayah kecurian serius yang berlaku di Selangor banyak dilakukan oleh penduduk yang miskin dan tiada pekerjaan. Jenayah ini dapat dibahagikan kepada beberapa kategori seperti kecurian di rumah pegawai-pegawai Eropah dan bukan pegawai-pegawai Eropah, bangunan-bangunan batu bata atau kedai, rumah atap, gudang-gudang, di pasar-pasar, kecurian basikal dan aktiviti penyeluk saku dan sebagainya.

Jadual 1 : Jenayah Kecurian Serius di Selangor, 1903-1926

Tahun	Aduan Yang Diterima	Aduan Yang Berjaya Dibongkar	Tahun	Aduan Yang Diterima	Aduan Yang Berjaya Dibongkar
1903	278	4	1915	85	32
1904	304	55	1916	82	25
1905	219	49	1917	95	25
1906	162	36	1918	110	31
1907	183	36	1919	127	25
1908	127	29	1920	162	43
1909	8	4	1921	115	-
1910	74	12	1922	70	-
1911	43	16	1923	75	15
1912	176	32	1924	72	16
1913	106	23	1925	82	19

1914	115	20	1926	99	26
------	-----	----	------	----	----

Sumber: Diubahsuai daripada CO439/2, 1905, hlm. 467, CO439/3, 1912, hlm. 212, CO439/3, 1913, hlm. 245, CO439/3, 1914, hlm. 278, CO439/3, 1915, hlm. 312, CO439/3, 1916, hlm. 345, CO439/3, 1917, hlm. 376, CO439/3, 1918, hlm. 397, CO439/3, 1919, hlm. 422, CO439/3, 1920, hlm. 443, CO439/3: 1921, hlm. 465, CO439/3: 1922, hlm. 483, CO439/3, 1923, hlm. 502, CO439/4, 1925, hlm. 6, CO439/4, 1932, hlm. 253, CO439/4, 1934, hlm. 368, CO439/4, 1935, hlm. 428, CO439/4: 1936, hlm. 518, CO439/4: 1937, hlm. 617, CO439/4, 1938, hlm. 721, CO439/4, 1939, hlm. 795, CO576/3, 1908, hlm. 190, CO576/4, 1909, hlm. 70, CO576/6, 1910, hlm. 12, CO576/9, 1911, hlm. 164, CO576/10, 1912, hlm. 190, CO576/12, 1914, hlm. 178, CO 576/12, 1915, hlm. 174, CO576/16, 1916, hlm. 63, CO576/18, 1917, hlm. 46, CO576/19, 1918, hlm. 118, CO576/21, 1919, hlm. 133, CO576/22, 1920, hlm. 40, CO576/24, 1921, hlm. 38, CO576/24, 1922, hlm. 42, CO576/26, 1923, hlm. 44, CO576/26, 1923, hlm. 221, CO576/28, 1924, hlm. 287, CO576/30, 1925, hlm. 337, CO576/32, 1926, hlm. 376, SEC.SEL. 1327/1906, hlm. G, SEC.SEL.1188/1908, hlm. G, SEC.SEL.1317/1910, hlm. 5, SEC.SEL. 738/1918, hlm. 6, SEC.SEL.739/ 1925, hlm. 2, 3119/1905, hlm. 9.

Jadual 1 di atas mengandungi data mengenai jumlah jenayah kecurian serius di Selangor dalam tempoh 1903 hingga 1926. Sepanjang tempoh di atas, berlaku beberapa kali peningkatan dan penurunan jumlah jenayah ini disebabkan oleh beberapa faktor yang berkait rapat dengan kedudukan ekonomi semasa Selangor. Daripada jumlah kes kecurian serius yang dilaporkan oleh orang awam, hanya sebilangan kecil sahaja kes yang berjaya dibongkarkan.

Berdasarkan jadual di atas, peningkatan kes kecurian serius berlaku dalam tiga tempoh. Dalam tempoh 1903 dan 1905, kedudukan ekonomi Selangor yang tidak stabil telah menyebabkan kadar jenayah ini meningkat. Dalam tahun 1904, berlaku peningkatan kes kecurian serius seiring dengan peningkatan kadar jenayah harta benda yang lain seperti rompakan berkumpulan dan rompakan akibat daripada kos kehidupan tinggi yang terpaksa ditanggung oleh penduduk. Kesan ini lebih ketara ke atas golongan buruh yang miskin dan melarat terutama yang tinggal di kawasan-kawasan bandar. Peningkatan kes ini juga dapat dilihat berlaku sekitar tahun 1912 hingga 1915 di mana dalam tempoh tersebut berlakunya Perang Dunia Pertama yang telah memberi kesan yang buruk kepada kumpulan buruh terutama buruh-buruh lombong akibat daripada kejatuhan harga timah. Kehidupan mereka yang penuh dengan kesengsaraan kerana dibuang kerja dan kesengsaraan ini semakin bertambah sekiranya mereka mempunyai isteri dan anak-anak² yang perlu kepada makanan dan pakaian serta tempat tinggal telah mendorong mereka melakukan jenayah ini.

Kes ini terus meningkat mengatasi jenayah harta benda yang lain dalam tempoh 1919 hingga 1921. Dalam tahun 1920, sebanyak 162 kes yang dilaporkan di mana jumlah ini melebihi kadar keseluruhan ketiga-tiga kategori jenayah harta benda yang lain.³ Keadaan ini berlaku sebabkan oleh peningkatan nilai dalam harta benda di Tanah Melayu sekitar tahun 1920 hingga 1922 akibat daripada kedudukan ekonomi yang tidak stabil dan berlaku kejatuhan harga bijih timah di pasaran antarabangsa. Peningkatan nilai dalam harta benda ini telah menjadikan kes-kes kecurian kecil⁴ atau “minor theft” sebagai serius dan diklasifikasikan sebagai kecurian serius⁵ atau “serious theft”.⁶ Kenyataan yang sama turut dinyatakan oleh W. L. Conlay dalam *Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1920* mengatakan:⁷

“The number of serious thefts recorded represents an increase of over 55 per cent, and forms practically half the total number of serious crimes; this increase is due in great part to the rise in monetary value, owing to which thefts of property formerly valued at less than \$100 and classified as minor thefts, have now to be classified as serious”.

Dalam minit mesyuarat yang diadakan pada 15 September 1920 antara Pesuruhjaya Tinggi British, pemerintah-pemerintah negeri, residen-residen British dan wakil-wakil kerajaan menyentuh mengenai aktiviti jenayah yang berlaku sekitar kemelesetan ini. Mengikut laporan tersebut, bagi jenayah rompakan berkumpulan dan rompakan menunjukkan penurunan yang Selangor dan Perak berlaku penurunan hampir 50 peratus. Berbeza pula dengan kes-kes kecurian, berlaku peningkatan yang besar. Laporan tersebut menyatakan:⁸

“...On the other hand, I am sorry to say, there has been a large increase in the number of simple thefts, due possibly in part to the present depressed states of trade and the prevalence of high prices”.

Selain daripada jenayah rompakan yang menunjukkan kadar penurunan yang amat memuaskan pada tahun 1909, jenayah kecurian serius turut menunjukkan penurunan kes yang amat ketara. Hanya sebanyak lapan kes kecurian sahaja yang dilaporkan pada tahun tersebut berbanding 127 kes pada tahun 1908. Penurunan secara mendadak ini boleh dikaitkan dengan penguatkuasaan hukuman buang negeri yang digariskan dalam *Federal Banishment Enactment 1909*. Penguatkuasaan ini telah berjaya membataskan aktiviti-aktiviti jenayah. Menurut J. Lornie, kebanyakan pencuri adalah terdiri daripada buruh-buruh lombong yang telah dibuang kerja atau mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.⁹

Sekitar tahun 1923 hingga 1925, jenayah kecurian serius ini didapati berkurangan hampir satu kali ganda berbanding tahun-tahun sebelumnya. Walaupun pada tahun 1925, berlaku sedikit kenaikan bagi kes ini akibat daripada kelicikan kumpulan-kumpulan pencuri profesional yang mempunyai latar belakang kehidupan yang jahat di samping kekurangan pemantauan oleh pihak polis menyebabkan kadar kes ini meningkat sebanyak 9 kes berbanding tahun sebelumnya. Namun, kehebatan yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai penyiasat daripada Cawangan Detektif dalam usaha menumpaskan pencuri-pencuri profesional menyebabkan peningkatan yang berlaku hanyalah dalam jumlah yang kecil sahaja.¹⁰

Bagi daerah yang paling tinggi kadar kes kecurian serius di Selangor pula adalah Kuala Lumpur. Daerah ini mendominasi jumlah kes kecurian serius tidak kira sama ada dalam tempoh kemelesetan ekonomi atau pun tidak. Dalam tahun 1926, ketika kedudukan ekonomi masih lagi stabil, berlaku pertambahan kes yang melibatkan pencuri profesional dan barangan yang paling banyak dicuri adalah basikal. Di sini, daerah Kuala Lumpur tetap menjadi daerah kegemaran pencuri-pencuri untuk melakukan aktiviti mereka. Daripada 86 laporan yang diterima tentang kecurian basikal di semua daerah utama di Selangor, 66 buah basikal yang dicuri adalah dari daerah Kuala Lumpur dan selebihnya adalah dari kawasan-kawasan lain.¹¹ Menurut Hugh Clifford,¹² banyak pendekatan yang telah dilakukan oleh pihak polis dalam usaha membentaras penjenayah-penjenayah yang dikaitkan dengan jenayah kecurian dan pecah rumah. Salah satunya adalah dengan cara meningkatkan rondaan samada malam atau siang dalam usaha menangkap kumpulan pencuri profesional.¹³ Kenyataan yang sama turut di keluarkan oleh J.

Lornie¹⁴ iaitu jumlah kes kecurian serius paling tinggi berlaku di daerah Kuala Lumpur di mana kawasan ini merupakan kawasan yang menjadi tumpuan kumpulan-kumpulan setingan atau penduduk haram berbanding daerah-daerah lain di Selangor.¹⁵

Kategori Jenayah Kecurian Serius

Jadual 2: Kategori Jenayah Kecurian Serius, 1928-1939

Tahun	Rumah Orang Eropah	Rumah Bukan Eropah, Bangunan Atau Kedai	Rumah Atap	Gudang	Penyeluk Saku	Basikal
1928	63	250	184	2	32	152
1929	48	285	203	4	42	163
1930	34	282	203	5	24	292
1931	41	351	215	14	25	476
1932	53	368	165	8	31	573
1933	57	347	123	7	8	347
1934	17	271	78	3	9	181
1935	26	319	103	3	11	334
1936	24	345	124	6	6	446
1937	32	251	170	7	11	337
1938	24	260	288	13	31	581
1939	33	320	230	5	20	684

Sumber: Diubahsuai daripada CO576/36, 1928, hlm. 406, CO576/39, 1929, hlm. 393, CO576/41, 1930, hlm. 504, CO576/43, 1931, hlm. 513, CO576/46, 1932, hlm. 618, CO576/48, 1933, hlm. 591, CO576/50, 1934, hlm. 666, CO576/53, 1935, hlm. 532, CO576/56, 1936, hlm. 725, CO576/61, 1937, hlm. 336, CO576/64, 1938, hlm. 385, CO576/70, 1939, hlm. 140.

Maklumat berdasarkan Jadual 2 di atas menunjukkan kategori jenayah kecurian dalam tempoh 1928 hingga 1939. Daripada jumlah yang dipaparkan di atas menunjukkan kes kecurian yang dilaporkan banyak melibatkan kategori rumah bukan Eropah, bangunan atau kedai, rumah atap dan kecurian basikal. Bagi kecurian di rumah orang Eropah, penyeluk saku dan gudang, kadar yang ditunjukkan adalah sederhana.

Dalam tempoh 1929 hingga 1933, semua kategori kecurian menunjukkan kadar peningkatan yang tinggi berbanding tahun sebelum dan selepasnya. Kedudukan ekonomi yang tidak stabil telah menyebabkan berlaku peningkatan harga barang makanan dan keperluan harian di samping kesukaran untuk mendapatkan bekalan makanan akibat daripada kekurangan kadar import ke atas barangan tersebut. Ini telah mendorong kumpulan pencuri untuk lebih aktif melakukan jenayah ini bagi menampung keperluan harian mereka. Namun, selepas tempoh tersebut, jumlah kes ini menunjukkan kadar penurunan yang ketara sekitar tahun 1934 hingga 1937 apabila kedudukan ekonomi mulai stabil.

Sekitar tahun 1929 hingga 1933, jika dilihat daripada kategori yang menjadi pilihan pencuri untuk melakukan jenayah mereka, didapati kategori rumah bukan Eropah, bangunan

atau kedai adalah yang paling tinggi jumlah kes kecurian yang dilaporkan berbanding kategori rumah orang Eropah dan rumah atap. Bangunan atau rumah kedai menjadi sasaran utama kumpulan pencuri kerana mereka sedia maklum bahawa tempat-tempat ini semestinya ada menyimpan barang-barang berharga atau wang tunai. Selepas berakhirnya tempoh kemelesetan ekonomi, jumlah kecurian bagi kategori ini hanya menunjukkan kadar penurunan yang kecil sahaja. Bagi kategori rumah atap pula, jumlah kes ini dilihat meningkat semasa berlakunya kejatuhan harga timah. Buruh-buruh lombong yang miskin dan menganggur akibat daripada dibuang kerja didapati banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah kerana kumpulan ini majoritinya mendiami kawasan-kawasan bandar di Selangor.

Bagi kategori basikal pula, ia juga menunjukkan kadar kecurian yang serius di mana dalam situasi ekonomi yang tidak menentu sekitar 1930-1933 dan 1938-1939, basikal merupakan kenderaan yang paling banyak dicuri. Setiap basikal yang didaftarkan bagi keperluan atau atas urusan yang tidak mengikut undang-undang, tidak akan dibenarkan mendaftar. Laporan yang diterima oleh pihak polis mengesahkan bahawa kes-kes yang berkaitan dengan kehilangan basikal adalah disebabkan oleh kecuaiannya pemilik-pemilik tersebut dan jumlah basikal yang dapat ditemui semula adalah amat rendah. Lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan pencuri-pencuri adalah di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Taiping dan sebagainya kerana di kawasan-kawasan ini banyak terdapat *ready market* yang bersedia untuk membeli barang curi mereka di samping wujudnya kemudahan untuk mengubah suai keadaan basikal tersebut supaya sukar dikenali oleh pihak berkuasa. Di Selangor, dalam usaha untuk membanteras serta menangkap pencuri-pencuri tersebut, pihak polis telah mengadakan kerjasama dengan Persatuan Pembaiki Basikal (Bicycles Repairers' Guild) dan tindakan yang serupa juga telah dilakukan di Perak, Negeri Sembilan¹⁶ dan Pahang. Kerjasama ini telah berjaya membantu pihak polis membongkar kes-kes kecurian sehingga pada tahun 1931, sebanyak 34.89 peratus kes dapat diselesaikan.¹⁷ Kerajaan juga telah mengeluarkan peringatan secara berkala kepada pemilik-pemilik basikal supaya memastikan basikal mereka diletakkan di kawasan yang selamat.¹⁸

Dalam tempoh 1934 hingga 1935, kadar kecurian serius turut menunjukkan kadar penurunan. Jika dilihat kepada jumlah kecurian basikal, pada tahun 1933, hanya 347 buah basikal yang dicuri atau berlaku pengurangan sebanyak 40 peratus berbanding tahun sebelumnya. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pengurangan harga pada aset yang dicuri itu sebanyak hampir 50 peratus.¹⁹ Di samping itu juga, pihak berkuasa di Selangor dan Negeri Sembilan menerima bantuan daripada Persatuan Pembaiki Basikal dalam usaha menangkap pencuri turut membawa kepada penurunan kadar kes ini.²⁰ Namun, dalam tahun 1935, jumlah kecurian basikal meningkat sebanyak 45.8 peratus atau 334 kes berbanding hanya 181 kes pada tahun sebelumnya. Kebanyakan kes yang dilaporkan berlaku di Kuala Lumpur yang melibatkan basikal-basikal yang diletakkan di kaki-kaki lima jalan di bandar tersebut. Keadaan ini memberi peluang yang besar kepada pencuri-pencuri basikal tersebut.²¹ Di samping itu, pemilik basikal juga tidak mengunci kenderaan mereka serta meninggalkan basikal dalam tempoh yang panjang telah membuka peluang kepada pencuri-pencuri dan seterusnya menjadikan kecurian basikal semakin berleluasa di Selangor.²² Dalam tahun 1937, satu tangkapan telah dilakukan ke atas individu Cina di Kajang kerana mencuri basikal dan ketika serbuan dilakukan terdapat tidak kurang daripada 10 buah basikal curi bersamanya.²³ Menurut S.W. Jones dalam *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1936*,²⁴

“Bicycle thefts again shewed a considerable increase over the figures for the previous years. As before, nearly all the thefts took place in Kuala Lumpur town. Two important gangs of cycle thieves were arrested during the year”



Dalam usaha membanteras kecurian basikal yang semakin meningkat sekitar tahun 1938 dan 1939, C. H. Sansom telah meminta supaya semua pengedar basikal terpakai (second hand bicycle dealers) supaya memohon untuk mendapatkan lesen sebagai pengedar berdaftar. Langkah ini diambil adalah untuk memudahkan pihak polis di samping membantu mereka untuk mengesan basikal-basikal yang dicuri. Salah satu punca yang menyebabkan kecurian basikal sangat berleluasa sekitar tahun-tahun kemelesetan ini adalah disebabkan oleh pencuri-pencuri yang kebanyakannya terdiri daripada mereka yang terbeban dengan hutang di rumah-rumah pelacuran dan perjudian terutamanya di Kuala Lumpur. Basikal yang dicuri akan dijadikan sebagai jaminan untuk mendapat pinjaman bagi melunaskan hutang-hutang mereka.²⁵

Selain daripada kecurian basikal, terdapat juga beberapa kes yang melibatkan kecurian kereta. Kebiasaannya mereka mencuri kereta di tempat letak kenderaan dengan cara merampas kenderaan tersebut daripada tangan pemiliknya. Mereka mengarahkan pemandu terbabit keluar dari kenderaan dan seterusnya meninggalkan pemilik di tempat letak kenderaan tersebut. Dalam tahun 1937, kejadian kecurian kereta yang dilaporkan tidak dapat dibongkar menyebabkan pencuri kereta terbabit tidak pernah berjaya ditangkap. Walaupun pihak polis berjaya mendapatkan bukti, kebanyakan tidak kukuh untuk menangkap pencuri terbabit tetapi ia sudah cukup untuk menghentikan kegiatan serta menakutkan pencuri itu.²⁶ Tetapi jika sekiranya, kereta yang dicuri itu diselongkar atau diasingkan komponen-komponen penting oleh pencuri terbabit, ia akan memudahkan pihak polis untuk menangkap pencuri terbabit. Dalam *Report of Crime for the Month of December 1933*, jenayah mencuri kereta terutamanya di Kuala Lumpur kebanyakan dapat diselesaikan melalui cop jari yang ditemui terutama di bahagian bonet kereta yang dicuri selepas mereka melarikan bahagian-bahagian penting kereta tersebut.²⁷

Kaitan Jenayah Kecurian Serius Dengan Kedudukan Harga Getah

Rajah 1 di bawah mengandungi rumusan data mengenai kaitan kecurian serius dengan kedudukan harga timah dalam tempoh 1928 hingga 1934. Penemuan kajian menunjukkan bahawa kejadian pecah rumah dan kecurian serius mempunyai hubungan yang rapat dengan kedudukan ekonomi. Ketika harga timah merosot, kedudukan kedua-dua jenayah ini juga turut meningkat dan begitu sebaliknya.

Rajah 1 :Kes Kecurian Serius dengan Kedudukan Harga Timah, 1928-1934.



Sumber: CO439/4, 1928, hlm. 103, 105, CO439/4, 1929, hlm. 128,130, CO439/4, 1930, hlm. 155,158, CO439/4, 1931, hlm. 187, 199, CO 439, 1932, hlm. 240, 253, CO439/4, 1933, hlm. 293, CO439/4, 1934, hlm. 353,368, CO576/46, 1932, hlm. 131, CO576/48, 1933, hlm. 140, CO576/48: 1933, hlm. 577-578,CO576/50: 1934, hlm. 645.

Kejadian kecurian serius yang dilaporkan oleh orang awam mulai meningkat tinggi selepas tahun 1929 dan kenaikan ini selaras dengan kejatuhan harga timah. Pada tahun 1931, harga timah mencatatkan harga paling rendah dalam tempoh kemelesetan iaitu \$60 per pikul dan kadar jenayah kecurian serius ini mencatatkan jumlah tertinggi dalam tempoh di atas dengan jumlah kes sebanyak 997 kes. Di Selangor, jumlah kes selepas tahun 1929 meningkat apabila harga timah berada pada harga yang rendah. Apabila kedudukan ekonomi mulai pulih sekitar tahun 1934 hingga 1936, kejadian kecurian serius mulai berkurangan kerana buruh-

buruh yang kehilangan kerja terutama buruh-buruh lombong mulai diterima bekerja kembali atau telah mendapat pekerjaan yang baru.

Menurut *Report of Crime for the Month of Mei 1929*, daerah Kuala Lumpur mendominasi jumlah kes kecurian serius berbanding daerah-daerah lain di Selangor. Jumlah kes yang berlaku di daerah ini melebihi 50 peratus daripada jumlah laporan yang diterima. Kebanyakan daripada suspek yang ditangkap mempunyai karakter yang buruk. Sebahagian daripada mereka ditangkap selepas melakukan jenayah dan selebihnya ketika mereka sedang melakukan aktiviti jenayah tersebut.²⁸ Dalam *Address by His Excellency the Governor to Members of the Legislative Council at a Meeting held on the 10th day of October, 1927*, melaporkan bahawa daripada sejumlah migrasi yang datang ke Tanah Melayu untuk bekerja, terdapat juga sebahagian daripada mereka bertujuan untuk melakukan jenayah terutama di bandar-bandar besar yang mana penjenayah dan mangsanya adalah dalam kalangan bangsa mereka sendiri.²⁹

Kejadian ini terus meningkat secara mendadak selepas tahun 1929 dan menunjukkan kadar yang seragam sehinggalah tahun 1933. Dalam tempoh ini, pihak berkuasa menganggap bahawa jenayah ini merupakan masalah yang paling besar sehingga memerlukan kepada tindakan pencegahan yang berterusan serta sentiasa menyusun strategi yang baik lebih-lebih lagi apabila melibatkan pencuri-pencuri yang profesional. Andaian yang dibuat oleh William Peel,³⁰ pada tahun 1928 adalah tepat apabila jumlah kes pecah rumah ini semakin meningkat pada tahun-tahun selepasnya. Beliau mengatakan:

“House-breaking and serious theft will probably be the Malayan policemen’s most serious problem during the next few years and well-considered and well-planned preventive measures will have to be energetically employed by all officers concerned to keep this class of crime in check”.³¹

Dalam tempoh kemelesetan, jenayah kecurian serius yang berlaku di Selangor adalah terdiri daripada mereka yang mahir³² tentang selok belok untuk melakukan jenayah ini dan cara yang digunakan oleh mereka mendatangkan kesukaran kepada pihak polis untuk mendapatkan bukti perlakuan jenayah mereka itu. Desakan kehidupan akibat kekurangan bekalan makanan menyebabkan komuniti penduduk yang melarat terutama buruh-buruh lombong melakukan aktiviti-aktiviti jenayah ini semata-mata untuk mendapatkan makanan seperti beras, gandum, daging dan sebagainya akibat daripada krisis ekonomi yang teruk.³³ Kawasan-kawasan bandar terutama Kuala Lumpur, Klang dan Ulu Selangor yang mana kawasan ini menjadi tumpuan penduduk mencatatkan jumlah paling tinggi kejadian pecah rumah dan kecurian serius berbanding daerah-daerah lain yang menjadi penempatan penduduk.

Apabila harga timah mulai meningkat kembali pada tahun 1934 kepada \$114 perpikul, bilangan aduan tentang kegiatan jenayah ini telah menurun kepada 788 kes berbanding 805 kes pada tahun 1933. Penurunan ini adalah disebabkan keselesaan yang mula dirasai oleh buruh-buruh lombong yang menganggur di mana mereka telah mendapat semula pekerjaan atau diterima berkerja di kilang-kilang lombong yang baru dibuka. Di samping harga barangan makanan yang mulai turun kembali sedikit sebanyak turut menyumbang kepada penurunan kadar jenayah pecah rumah dan kecurian serius ini. Dapat disimpulkan dengan ringkas bahawa kedudukan harga bijih timah sangat mempengaruhi kadar jenayah ini.

Respons British Terhadap Ancaman Kegiatan Jenayah Kecurian Serius

Pelbagai langkah telah di ambil oleh kerajaan British dalam menangani kejadian jenayah yang berlaku di Tanah Melayu terutama di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) terutamanya negeri Selangor. Langkah-langkah yang diambil ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu langkah jangka panjang dan jangka pendek. Kerajaan bertindak sedemikian supaya kegiatan jenayah di Selangor terus berada di bawah kawalan. Dalam artikel ini dinyatakan dua langkah jangka pendek yang telah diambil secara segera oleh pihak British untuk menangani kegiatan jenayah yang berleluasa terutama ketika berlakunya kemelesetan ekonomi.

Pertama, tindakan segera yang telah diambil oleh pihak British bagi mengatasi kegiatan jenayah yang berleluasa di Selangor adalah dengan cara mengisytiharkan daerah-daerah yang sering menjadi tumpuan penjenayah sebagai kawasan berbahaya dan memerlukan kepada pemantauan yang rapi oleh pihak berkuasa. Tindakan ini terpaksa diambil ekoran daripada peningkatan mendadak kes-kes jenayah terutama jenayah harta benda akibat desakan kemelesetan ekonomi yang berlaku sekitar tempoh 1914 dan 1916 ketika meletusnya Perang Dunia Pertama di negara-negara Eropah. Daerah yang terlibat dengan pengisytiharan tersebut ialah Kuala Lumpur, Ulu Selangor dan Ulu Langat, manakala Kuala Selangor, Kuala Langat dan Klang adalah kawasan yang bebas daripada pengisytiharan sebagai kawasan jenayah kerana kadar jenayah yang berlaku dikawasan-kawasan tersebut masih di bawah kawalan pihak berkuasa.

Atas tindakan tersebut, pihak British telah mengisytiharkan daerah-daerah yang mesti diberi perlindungan melalui enakmen iaitu *Prevention of Crimes Enactment, No.3 of 1903*. Pengisytiharan dan pembatalan pengisytiharan ini dilakukan oleh Residen British. Tiga kawasan utama yang banyak berlakunya jenayah harta benda terutama rompakan berkumpulan seperti Kuala Lumpur, Ulu Selangor dan Ulu Langat³⁴ telah diisytiharkan secara berperingkat-peringkat. Daerah pertama yang menerima pengisytiharan tersebut adalah daerah Ulu Selangor iaitu pada 28 Ogos 1914 setelah menerima arahan daripada Residen British.³⁵ Bagi daerah kedua yang menerima arahan pengisytiharan sebagai kawasan yang kerap berlaku jenayah adalah Ulu Langat dan ia berkuasa serta merta selepas dikeluarkan arahan tersebut pada 31 Ogos 1914.³⁶ Kemuncak kepada pengisytiharan ini adalah disebabkan oleh permohonan dari Pejabat Daerah Kajang pada 27 Ogos 1914 yang mengatakan bahawa perompak-perompak³⁷ yang bersenjatakan revolver, parang, pisau dan sebagainya bebas berkeliaran melakukan jenayah di segenap jalan-jalan raya di daerah Ulu Langat sehingga membawa kepada kematian dalam kalangan pihak polis dan juga komuniti awam.³⁸ Apabila keadaan di daerah tersebut kembali aman dan kadar jenayah semakin berkurangan, pengisytiharan ini telah ditarik balik pada 20 April 1915.³⁹ Daerah ketiga yang menerima pengisytiharan ini ialah Kuala Lumpur di mana daerah ini telah membuat pengisytiharan sebanyak dua kali iaitu apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersetuju membuat permohonan untuk mendapatkan perlindungan bagi kawasan-kawasan yang kerap berlaku kejadian jenayah. Pengisytiharan pertama bermula pada 28 Ogos yang melibatkan kawasan Ampang, Ulu Gombak, Ulu Klang dan Setapak⁴⁰ dan pengisytiharan kali kedua pula bermula pada 23 September 1914 yang melibatkan kawasan Sungai Besi, Salak Selatan, Kepong dan Kampung Batu.⁴¹ Pengisytiharan ini telah dibatalkan pada 2 Jun 1915 apabila kadar jenayah di daerah Kuala Lumpur menunjukkan kadar penurunan.⁴²

Memo-memo pengisytiharan ini telah ditampal di semua kawasan-kawasan samada di kawasan perkampungan atau pekan-pekan. Di samping ditampal disemua kawasan yang

terbabit, ia juga telah diwartakan di dalam surat-surat khabar dengan menggunakan pelbagai bahasa. Dalam tempoh yang singkat sahaja, semua orang awam telah menerima maklumat dan segera mengambil langkah-langkah yang dirasakan perlu bagi tujuan perlindungan. Mereka juga segera bertindak melaporkan kepada pihak berkuasa apabila terdapat kumpulan-kumpulan yang tidak dikenali dan asing di penempatan mereka. Tindakan segera yang telah diambil oleh pihak berkuasa ini telah berjaya menakutkan semua kumpulan penjenayah. Tindakan ini telah berjaya mengurangkan kadar jenayah di semua daerah dan ini dibuktikan apabila kadar jenayah mulai berkurangan pada tahun selepasnya.

Kedua, menyediakan kawasan pertanian untuk golongan buruh yang kehilangan pekerjaan. Dalam usaha mereka yang telah kehilangan pekerjaan dan hidup dalam kemiskinan, pihak kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk terutama mereka yang terlibat dalam industri perlombongan yang telah dibuang kerja. Pelbagai jenis bantuan telah dipohon daripada kerajaan melalui badan-badan persatuan yang ditubuhkan sepanjang tempoh berlakunya kemelesetan ekonomi. Tindakan ini perlu dilakukan oleh mereka bagi menjamin keselesaan hidup buruh-buruh miskin yang tidak mahu pulang atau tidak disenaraikan untuk dibawa pulang ke negara asal. Kemelaratan dan kesukaran untuk meneruskan kehidupan akibat ketiadaan pendapatan telah menyebabkan mereka berpotensi melakukan jenayah terutama jenayah harta benda akibat daripada kesengsaraan yang dialaminya.

Kesengsaraan yang dihadapi oleh penduduk terutama buruh-buruh miskin yang kehilangan pekerjaan sepanjang tempoh kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 1914 hingga 1915 telah digambarkan oleh D. Bratty yang mengatakan:

”The numbers of unemployment cannot be judged from those seen sleeping in the open air; some of them have wives and families on small vegetable gardens or fowl farms; they naturally remain as long as the garden helps them to eke out their scanty supply of money; many, when first deprived of work, stay with friends for a short time, but such hospitality has limits”

Bagi mengatasi masalah di atas, satu langkah drastik telah dilakukan adalah dengan cara membuat permohonan mendapatkan kawasan-kawasan untuk dijadikan kawasan pertanian yang akan diusahakan oleh penduduk dan sekaligus untuk dijadikan kawasan penempatan bagi mereka. Dengan cara ini, mereka yang kehilangan kerja dan hidup merempat dalam kemiskinan akan mendapat pekerjaan sekaligus tempat untuk dijadikan kediaman. Melalui keputusan mesyuarat yang telah dihadiri oleh wakil pihak British bersama-sama taukeh-taukeh lombong telah mendesak supaya pihak kerajaan memperuntukkan tanah seluas 500 hektar di mana-mana daerah di Selangor bagi tujuan tersebut. Pihak British telah meluluskan satu kawasan di Salak Selatan untuk dijadikan sebagai kawasan penempatan dan pertanian. Kawasan yang telah diberikan oleh kerajaan ini adalah kawasan yang telah dipilih dan dipersetujui. seterusnya pihak kerajaan sekali lagi meluluskan kawasan seluas 150 hektar di Serdang dan 300 hektar di Kajang untuk memenuhi tujuan tersebut. Tambahan kawasan telah di luluskan oleh pihak kerajaan memandangkan kawasan-kawasan yang diluluskan sebelum ini tidak mencukupi, sekali lagi pihak British telah meluluskan tanah seluas 350 hektar di Kajang untuk dijadikan sebagai kawasan pertanian dan penempatan bagi penduduk yang terjejas dengan situasi kemelesetan ekonomi.⁴³

Selain itu, pihak kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh dalam memastikan penduduk di Selangor mendapat perlindungan sewajarnya ketika kedudukan ekonomi tidak stabil semasa tempoh kemelesetan sekitar 1914 dan 1915 serta tahun 1929 hingga 1933. Tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan sekitar tempoh ini telah berjaya mengawal kegiatan-kegiatan jenayah yang berlaku terutama kes-kes rompakan berkumpulan dan rompakan. Dalam tahun 1931, ketika kemuncak kemelesetan paling teruk, badan ini telah bertindak mencadangkan kepada pihak British supaya pertama menyediakan kawasan seluas 500 hingga 1000 hektar untuk penduduk menjalankan aktiviti pertanian di mana-mana daerah di Selangor. Kedua, membahagikan kawasan-kawasan seluas 2, 5 atau 10 hektar kepada setiap individu yang menganggur atau kumpulan buruh-buruh yang menganggur untuk dijadikan kawasan penyelenggaraan ternakan seperti lembu, kerbau, babi, kambing, unggas, ayam, itik dan merpati. Selain itu, mereka juga dapat menjalankan aktiviti penanaman sayur-sayuran, menanam pokok buah-buahan atau dijadikan sebagai kolam ternakan ikan. Ketiga, mereka mendesak kerajaan supaya menyediakan wang pendahuluan kepada buruh-buruh yang menganggur sebagai perbelanjaan permulaan dan menampung stok barangan perniagaan mereka. Keempat pula, pihak British haruslah menyediakan pinjaman persendirian kepada buruh-buruh yang menganggur dan memberi tempoh kepada mereka untuk membayar balik dalam masa 12 bulan tanpa dikenakan cas tambahan dan kelima, semua jualan hasil ternakan atau produk-produk lain hendaklah dikawal oleh badan yang memberi pinjaman.⁴⁴

Kesimpulan

Dapat dibuat rumusan bahawa, apabila berlaku kejatuhan harga timah di pasaran antarabangsa yang terkesan ekoran kemelesetan ekonomi dunia menyebabkan kerajaan mengurangkan quota pengeluaran bijih timah dan getah. Sekatan pengeluaran dan pengeksporan telah menimbulkan masalah dalam kalangan mereka yang terlibat secara lansung dalam industri ini. Kesannya masalah pengangguran yang serius dalam kalangan penduduk di Selangor terutama yang terlibat sebagai buruh-buruh perlombongan bijih timah. Akibat daripada masalah tersebut, telah membawa kepada pelbagai implikasi dan salah satunya telah berlaku kemiskinan dan kemelaratan terutama bagi mereka yang mempunyai keluarga. Di samping itu berlaku pengurangan import bahan makanan serta peningkatan harga bahan makanan utama menyebabkan kehidupan mereka semakin terhimpit sehingga mereka terdorong untuk melakukan jenayah terutama jenayah harta benda terutamanya kecurian serius. Implikasi kejatuhan harga timah di pasaran dunia telah berjaya mempengaruhi kadar jenayah kecurian serius terutama ketika berlaku ketidakpastian ekonomi. Perkaitan yang rapat antara aspek ekonomi ini dengan penguasaan penduduk dalam kegiatan jenayah dapat dilihat dengan jelas melalui perbandingan kedudukan harga timah dengan jumlah jenayah serius yang berlaku Selangor. Tindakan segera yang telah diambil oleh pihak British bagi membanteras kejadian jenayah kecurian serius yang meningkat terutama sekitar tempoh kemelesetan ekonomi dunia telah berjaya mengurangkan kadar jenayah yang berlaku dalam masyarakat di Selangor.

Penghargaan:

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada *Public Record Office London* dan Arkib Negara Malaysia atas kerjasama serta sumbangan berharga dalam menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan. Dokumen yang diperoleh amat bernilai dalam

memperkuh penyelidikan, memperkaya penulisan sejarah, dan memupuk kefahaman penulis.

Biodata

*Ruzaini Sulaiman (ruzaini@umt.edu.my) (corresponding author)) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Ketamadunan dan Kenegaraan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Terengganu, Malaysia.

**Ruhaizan Sulaiman (ruhaizan@unisza.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL), Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA, Terengganu, Malaysia).

***Norzilawati Abd. Wahab (norzilawatiwahab@unisza.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL), Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terengganu, Malaysia.

****Ismar Liza Mahani Ismail (ismarhani@umt.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Ketamadunan dan Kenegaraan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Terengganu, Malaysia.

Received: 7 Mei 2025

Reviewed: 20 Jun 2025

Accepted: 28 Jun 2025

Nota

¹ Suntherland, E. H. & Cressey, D.R. 1974, hlm. 112-219

² Memorandum on the minutes of the Meeting of the Chinese Advisory Board held on 1st July 1914 dalam SEC. SEL. 3366/1914 Selangor Advisory Board, Minutes of Meeting. 1 July 1914, hlm. 1.

³ Jenayah harta benda yang dimaksudkan adalah rompakan berkumpulan, rompakan dan pecah rumah.

⁴ Kecurian kecil adalah kecurian yang melibatkan harta benda bernilai di bawah \$100.

⁵ Kecurian serius adalah kecurian yang melibatkan harta benda bernilai melebihi \$100.

⁶ CO576/22, Federated Malay States: Annual Report for the 1920 by W. George Maxwell, 22 May 1921, hlm. 9.

⁷ CO576/22, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1920 by W. L. Conlay, 7 April 1921, hlm. 193.

⁸ CO576/2, Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1920 with Appendix, hlm. 276.

⁹ CO 576/33, Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1927 with Appendix by Hugh Clifford, hlm. 82.

¹⁰ CO 576/33, Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1927 with Appendix by Hugh Clifford, hlm. 82.

¹¹ CO576/32, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1926 by J. Lornie, 13 May 1927, hlm. 63.

¹² Beliau telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan memegang jawatan tersebut selama dua tahun iaitu bermula 1927 hingga 1929. Lihat dalam Gullick, J.M, A History of Selangor (1766-1939) dalam *JMBRAS Monograph No 28.(Edisi 2)* Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, hlm. 219.

¹³CO 576/33, Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1927 with Appendix by Hugh Clifford, hlm. 82.

¹⁴ Beliau telah dilantik sebagai Residen British bagi negeri Selangor pada awal tahun 1928 hingga 30 November dalam tahun yang sama dan tugasnya telah diambil alih oleh C. W. H. Cochrane apabila mengambil cuti rehat yang panjang. Beliau telah berkhidmat semula pada 5 Mei 1929 selepas C. H. W. Cochrane dilantik sebagai Residen British di Perak. Lihat dalam CO 439/4, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1928 by C.H.W. Cochrane, 8 May 1929, hlm. 111, CO 439/4, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1929 by J. Lornie, 23 May 1930, hlm. 138.

¹⁵ CO576/34, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1927 by J. Lornie, hlm. 69.

- ¹⁶ Kedai-kedai menjual basikal dan bengkel membaiki basikal di Negeri Sembilan telah menubuhkan persatuan yang sama pada tahun 1932 seperti yang dilaksanakan di Selangor sejak 1931 sehingga jumlah kecurian basikal di negeri ini dapat dikurangkan. Lihat dalam CO576/46, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1932 by C. H. Sansom, hlm. 604.
- ¹⁷ CO576/43, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1931 by C. H. Sansom, hlm. 503.
- ¹⁸ CO576/46, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1932 by C. H. Sansom, hlm. 604.
- ¹⁹ CO576/48, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1933 by T. S. Adams, hlm. 140.
- ²⁰ CO 576/48, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1933 by C. H. Sansom, hlm. 579.
- ²¹ CO576/52, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1935 by T. S. Adams, hlm. 182, Lihat juga dalam CO576/56, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1936 by C. H. Sansom, hlm. 706, CO576/59, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1937 by S.W. Jones, hlm. 234.
- ²² CO576/61, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1937 by C.H. Sansom, hlm. 318.
- ²³ CO576/59, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1937 by S.W. Jones, hlm. 234.
- ²⁴ CO576/55, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1936 by S.W. Jones, hlm. 217.
- ²⁵ CO576/64, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1938 by C.H. Sansom, hlm. 369.
- ²⁶ CO576/59, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1937 by S.W. Jones, hlm. 234.
- ²⁷ SEL.G. 302/1933, Federated Malay States: Criminal Intelligence Branch: Report of Crime for the Month of December 1933, hlm. 9.
- ²⁸ SEL: G: 448/1929, Federated Malay Staes Police: Criminal Intelligence Branch: Report of Crime for the month of May 1929, hlm. 11.
- ²⁹ CO717/56/6, Address by His Excellency the Governor to Members of the Legislative Council at a Meeting held on the 10th day of October, 1927 yang bertarikh 11 Oktober 1927 dalam Chinese Labour in British Malaya, 1927, hlm. 12.
- ³⁰ Beliau merupakan Ketua Setiausaha Negara bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
- ³¹ O576/36, Federated Malay States: Annual Report for 1928 by William Peel, 21 May 1929, hlm. 24.
- ³² Terdapat satu kes pecah rumah yang berlaku di Kuala Lumpur yang dilakukan oleh sekumpulan pencuri-pencuri profesional Cina yang memecah masuk banglo pengawai Eropah. Mereka telah melakukan beberapa kes pecah rumah yang melibatkan kecurian dalam jumlah yang besar sehinggalah mereka berjaya ditangkap ketika sedang melakukan jenayah pecah rumah.
- ³³ CO576/43, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1931 by C. H. Sansom, hlm. 503.
- ³⁴ CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1914 by E. G. Broadrick, hlm. 279.
- ³⁵ SEC. SEL. 4219/1914, Prevention of Crimes Enactment No. 3 of 1903. Briging into Force in Ulu Selangor , Surat dari Secretary to British Resident, Selangor kepada The Under Secretary, Federated Malay States, Kuala Lumpur bertarikh 29 Ogos 1914 yang bertajuk Bringing into Force of the Prevention of Crimes Enactment, No.3 of 1903 in Ulu Selangor, hlm. 8.
- ³⁶ SEC. SEL. 4248/1914, Prevention of Crimes Enactment No. 3 of 1903. Briging into Force in Ulu Langat, Surat dari Secretary to British Resident, Selangor kepada The Chief Police Officers, Kuala Lumpur, 31 August 1914 , hlm. 4.
- ³⁷ Pada malam sebelum permohonan dibuat oleh Pejabat Daerah Kajang, sekumpulan sembilan orang perompak telah melakukan rompak di sebuah kedai pajak gadai di bandar Kajang. Seorang bersenjatakan revolver dan yang lain bersenjatakan parang dan pisau. Serangan tersebut berlaku pada pukul 7.30 malam yang menyebabkan kematian seorang Kostabel dan seorang lelaki Benggali yang menyaksikan kejadian tersebut. Dua lelaki dari kumpulan tersebut telah berjaya ditangkap. Lihat dalam SEC.SEL. 4248/1914, Prevention of Crimes Enactment No. 3 of 1903. Briging into Force in Ulu Langat , Surat dari District Office, Kajang kepada The Secretary to Resident, Kuala Lumpur yang bertajuk Ask that the Prevention of Crimes Enactment , No. 3 of 1903, be put in force in Ulu Langat District, 27 August 1914, hlm. 6.

³⁸ SEC. SEL. 4248/1914, Prevention of Crimes Enactment No. 3 of 1903. Bringing into Force in Ulu Langat , Surat dari District Office, Kajang kepada The Secretary to Resident, Kuala Lumpur yang bertajuk Ask that the Prevention of Crimes Enactment , No. 3 of 1903, be put in force in Ulu Langat District, 27 August 1914, hlm. 6.

³⁹ SEC. SEL. 1855/1915, Prevention of Crime Enactment No. 3 of 1903: Cancellation of Enforcement in Kajang , Surat dari Office of Secretary to the Resident, Selangor kepada District Office, Ulu Langat yang bertarikh 20 April 1915, hlm. 4.

⁴⁰ SEC. SEL. 4248, Surat dari Chief Police Officer Selangor kepada The Secretary to Resident, Selangor, 28 August 1914, hlm. 1.

⁴¹ SEC. SEL. 4644/1914, Prevention of Crimes Enactment No. 3 of 1903: Bringing into force in Sungai Besi, Salak South, Kepong and Batu Village , Surat dari Chairman, Sanitary Board Offices, Kuala Lumpur kepada The Secretary to Resident, Selangor yang bertajuk Application of the Prevention of Crimes Enactment to Sungai Besi, Salak South, Kepong and Batu Village , 23 September 1914, hlm. 1.

⁴² SEC. SEL. 4284/1914, Prevention of Crimes Enactment No. 3 of 1903: Bringing into force in Kuala Lumpur, hlm. 3

⁴³ SEC. SEL. G. 2154/1916, Minutes of a Meeting of the Chinese Advisory Board Selangor held at the Chinese Secretariat, Kuala Lumpur on Friday, March 31st 1916, hlm. 1-2.

⁴⁴ SEC. SEL. 4284/1914, Prevention of Crimes Enactment No. 3 of 1903: Bringing into force in Kuala Lumpur, hlm. 4-5.

Rujukan

Dokumen

CO439/2, Federated Malay States: Annual Report of the State of Selangor for the year 1904 by H. Conway Belfield, 10 April 1905.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1911 by E.G. Broadrick, 31 May 1912.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1912 by E. G. Broadrick, 3 June 1913.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1913 by E. Burnside, 13 August 1914.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1914 by E. G. Broadrick, 29 March 1915.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1915 by E. G. Broadrick, 6 April 1916.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1916 by E.G. Broadrick, 31 March 1917.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1917 by E.G. Broadrick, 11 April 1918.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1918 by E.G. Broadrick, 14 April 1919.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1919 by A. H. Lemon, 25 May 1920.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1920 by O. F. Stonor, 16 May 1921.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1921 by O. F. Stonor, 16 May 1922.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1922 by O.F. Stonor, 15 April 1923.

CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1924 by O.F. Stonor, 30 April 1925

CO439/4, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1928 by C.H.W. Cochrane, 8 May 1929.

CO439/4, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1929 by J. Lornie, 23 May 1930.

CO439/4, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1931 by T.S. Adam, 9 July 1932.

CO439/4, Federated Malay States: Supplement to the F.M.S. Government Gazette, 1930. Contents: Selangor Administration Report for the year 1931 by T.S. Adam, 9 July 1932.

CO439/4, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1933 by T.S. Adams, 24 May 1934.

CO439/4, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1934 by W.D. Barron, 13 June 1935.

CO439/4, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1935 by T.S. Adams, 3 July 1936.

CO439/4, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1937 by S.W. Jones, 24 June 1938.

CO439/4, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1938 by S.W. Jones, 29 April 1939.

CO439/4, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1936 by S.W. Jones, 19 May 1937.

CO576/3, Report on the Depot, Federated Malay States Police for the year 1908 by G. L. Jones-Parry.

CO576/3, Report on the Detective Department, Selangor for the year 1908 by C. Wyatt.

CO576/3, 1909, Federated Malay States: Report of the Director of Agriculture for the year 1908.

CO576/3, 1909, Federated Malay States: Resident-General's Annual Report for the year 1908 by William Taylor.

CO576/4, Federated Malay States: Report on the Secretary for Chinese Affairs for the year 1909.

CO576/3, Federated Malay States: Supplement to the F.M.S. Government Gazette, 1910: Contents: Resident-General's Annual Report, 1909 by R.G. Watson, June 1910.

CO576/4, 1910, Federated Malay States: Report on the Police for the year 1909 by W.W. Douglas.

CO576/4, 1910, Federated Malay States: Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1910: Contents: Resident-Generals Annual Report, 1909 by R. G. Watson.

CO576/6, Federated Malay States: Report on the Secretary for Chinese Affairs for the year 1910 by Sir Arthur Young, Chief Secretary.

CO576/6, 1911, Federated Malay States: Annual Report for 1910 by Sir Arthur Young.

CO576/8, 1912, Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council 1912, 12 November 1912.

CO576/9, 1913, Federated Malay States: Report on the Police Force for the year 1912 by W.W. Douglas.

CO576/9, 1912, Federated Malay States: Report of the Secretary for Chinese Affairs for the year 1911 by C.J. Saunders.

CO576/9, 1912, Annual Report on the Central Criminal Registry for the year 1911 by D.M. Barry.

CO 576/9, 1912, Federated Malay States: Report on the Police Force for the year 1911 by W.W. Douglas.

CO576/10, 1913, Federated Malay States: Report on the Police Force for the year 1912 by W.W. Douglas dalam Supplement to the "FMS Government Gazette", 4 July 1913.

CO576/10, 1913, Federated Malay States: Report of the Secretary for Chinese Affairs for the year 1912 by L.H. Clayton.

CO 576/10, 1913, Annual Report on the Criminal Registry for the year 1912 by D.M. Barry.

CO576/12, 1915, Federated Malay States: Report on the Administration of the Police Force for the Year 1914 by W.W. Douglas.

CO576/12, 1915, Federated Malay States: Report on the Criminal Registry for the year 1914 by H. Fairburn.

CO576/12, 1915, Federated Malay States: Report of the Secretary for Chinese Affairs for the Year 1914 by W.W.Douglas.

CO576/15, 1917, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1916 W. L. Conlay, 11 April 1917.

CO576/16, 1917, Federated Malay States: Annual Report for the year 1916 by E. L. Brockman, 27 April 1917.

CO576/16, 1917, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1916 by E. G. Broadrick.

CO576/17, 1918, Federated Malay States: Annual Report for the year 1917 by E. L. Brockman.

CO576/17, 1918, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1917 by W.L. Conlay.

CO576/18, 1918, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1917 by E. G. Broadrick.

CO576/19, 1919, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1918 by E. G. Broadrick.

CO576/19, 1919, Federated Malay States: Annual Report for 1918 by E.L. Brockman, 10 May 1919.

CO576/19, 1919, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1918 by W. L. Conlay.

CO576/21, 1920, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1919 by W.L. Conlay.

CO576/22, 1921, Federated Malay States: Annual Report for the 1920 by W. George Maxwell .

CO576/22, 1921, Federated Malay State: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1920 by W. L. Conlay.

CO576/23, 1921, Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1920 with Appendix.

CO576/23, 1921, Federated Malay States: Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 7 April 1921 dalam Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1921 with Appendix.

CO576/23, 1921, Memorandum of Information and Statistics to Accompany H.S. Excellency the High Commissioner's Predential Address to the Federal Council, December 13TH, 1921.

CO576/23, 1921, Federated Malay States: Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for 1920, 7 April 1921.

CO576/24, 1922, Federated Malay States: Annual Report for the 1921 by W. George Maxwell .

CO576/2, Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1920 with Appendix.

CO576/22, Federated Malay States: Annual Report for the 1920 by W. George Maxwell, 22 May 1921.

CO576/22, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1920 by W. L. Conlay, 7 April 1921.

CO576/32, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1926 by J. Lornie, 13 May 1927.

CO 576/33, Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1927 with Appendix by Hugh Clifford.

CO576/34, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1927 by J. Lornie.

O576/36, Federated Malay States: Annual Report for 1928 by William Peel, 21 May 1929.

CO576/43, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1931 by C. H. Sansom.

CO576/46, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1932 by C. H. Sansom.

CO576/48, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1933 by T. S. Adams.

CO 576/48, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1933 by C. H. Sansom.

CO576/52, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1935 by T. S. Adams.

CO576/53, 1936, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1935 by C. H. Sansom

CO576/55, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1936 by S.W. Jones.

CO576/56, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1936 by C. H. Sansom.

CO576/59, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1937 by S.W. Jones.

CO576/61, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1937 by C.H. Sansom.

CO576/64, Federated Malay States: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1938 by C.H. Sansom.

CO576/70, 1940, Federated Malay States: Report on the States of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1939 by E. Bagot.

CO717/56/6, Adress by His Excellency the Governor to Members of the Legislative Council at a Meeting held on the 10th day of October, 1927 yang bertarikh 11 Oktober 1927 dalam Chinese Labour in British Malaya, 1927, hlm. 12.

JMBRAS Monograph No 28.(Edisi 2), Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Memorandum on the minutes of the Meeting of the Chinese Advisory Board held on 1st July 1914 dalam SEC. SEL. 3366/1914 Selangor Advisory Board, Minutes of Meeting, 1 July 1914.

SEL.G. 302/1933, Federated Malay States: Criminal Intelligence Branch: Report of Crime for the Month of December 1933.

SEL: G: 448/1929, Federated Malay Staes Police: Criminal Intelligence Branch: Report of Crime for the month of May 1929.

Buku

Cheah Boon Kheng, Social Banditry and rural Crime in North Kedah 1909-1929, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. 54, Pt. 2, 1981.

Khoo Kay Kim, The Great Depression: The Malaysian Context, dalam *The History of South-East, South And East Asia: Essays and Documents*, Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1971.

Li Dun Jen., *British Malaya: An Economic Analysis*, Kuala Lumpur: Institute for Social Analysis, 1982.

Nazarudin Zainun, *Kemelesetan Ekonomi Dunia: Kadar Jenayah Dan Kesannya Kepada Perdamaian dan Kesejahteraan di Pulau Jawa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2015.

Syed Noor Syed Abdullah, Kaum Buruh Lombong Cina di Perak Pada Zaman Kemelesetan Ekonomi Malaya 1929-1933, *Journal of Malaysian Studies*, Vol. 1, 1983.

Suntherland, Edwin. H., et.al., *Criminology*, (Ninth Edition), New York: J.B. Lippincott Company, 1974.

Tesis

Nik Akmal Mahani Nik Mahmud, *Jenayah Harta Benda: Satu Kajian*, Tesis Fakulti Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa, 1998.

Abdulrahman Raden Aji Haqqi et.al., Peningkatan Kes Curi di Brunei Darussalam: Punca Dan Penyelesaiannya Analisis Awal Dari Perspektif Agensi Perundangan, *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, Vol. 13, 2022, 130-135.